

Syarikat Malaysia digesa teroka peluang Industri 4.0

KUALA LUMPUR - Syarikat Malaysia diseru meneroka peluang perniagaan dalam Industri 4.0, terutamanya sebagai penyelesaian dan penyedia produk bagi melengkapi keseluruhan rantai nilai.

Sembilan tonggak Industri 4.0 ialah robotik autonomi, simulasi, integrasi sistem, Objek Rangkaian Internet, sekuriti siber, awan, pembuatan bahan tambahan, data raya dan analisis.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)

Datuk Norhalim Yunus berkata, syarikat perlu melihat industri dalam ruang lingkup yang lebih besar dan menjadi 'penyedia', berbanding hanya menjadi 'pengguna' yang memanfaatkan Industri 4.0, memandangkan ketika ini penawaran bagi kebanyakan penyelesaian dan produk dikuasai oleh orang asing.

Jelasnya, langkah tersebut bukan sahaja dapat mengurangkan kebergantungan terhadap produk dan penyelesaian



NORHALIM

Industri 4.0 yang diimport, malah syarikat juga boleh membantu entiti tempatan dan menangani keperluan pasaran luar negara.

"Kami (MTDC) bukan sahaja membantu syarikat Malaysia untuk menggerakkan rantai nilai

sebagai pengguna teknologi, malah mempertimbang untuk mewujudkan peluang dan memperluas syarikat tempatan bagi menawarkan produk dan perkhidmatan.

"Jika kita boleh membangunkan sekumpulan syarikat Malaysia yang bagus dalam siber sekuriti, realiti terimbuh dan robotik, barulah kami boleh membantu mereka menggerakkan teknologi rantai nilai kerana keperluan kita mungkin berbeza berbanding pelanggan dari negara lain," katanya.

Bagi menggalakkan kemajuan teknologi dalam kalangan syarikat Malaysia, Norhalim berkata, MTDC telah menubuhkan *Centre of 9 Pillars (Co9P)*, iaitu pusat berasaskan komuniti untuk memupuk inovasi Industri 4.0

baharu bagi membantu memesatkan peningkatan teknologi syarikat perusahaan kecil dan sederhana.

Pusat itu dilengkapi peralatan yang diperlukan bagi membolehkan pembangunan pembuktian konsep dan prototaip pada kos lebih rendah.

Baru-baru ini, agensi kerajaan itu memperluas hab Co9P Sarawak dengan menghubungkannya dengan pusat lain di Universiti Putra Malaysia (UPM-Pusat Teknologi MTDC) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM-MTDC).